

ELEMEN LATAR DALAM NOVEL THRILLER LEGASI TOMBIROU

Nazirah Ismail, Muhammad Alif Redzuan Abdullah, Normaliza Abdul Rahim dan Kamariah Kamarudin
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia

ABSTRACT

This study focuses on discourse in a thriller novel. In discourse analysis, language is studied not only from linguistics aspects but also related to context. This study aims to identify and discuss one of the context elements in discourse, i.e., the setting elements in thriller novels. Thriller novel comprises an element of investigation and arouses a prolonged thrill to the reader. Various elements influence the author in producing a thriller novel, including, the setting parts. But the setting elements as the main source in thriller novels have yet to be studied by researchers. Therefore, this study will use the method of Discourse Analysis by Normaliza Abd Rahim (2019). The methodology of this study is a content analysis and qualitative method. The study examined a printed novel written by Ramlee Awang Murshid. The Tombiruo Legacy novel was chosen as a data source since the novel represents the reality of society. The book is 530 pages and has been examined in terms of choices of words and sentences to identify the setting markers in the novel. The study's findings show that the use of language in Tombiruo's Legacy novel successfully identifies the background in the story. This study serves as a guide and reference for authors to produce more quality thriller novels in the future.

Keywords : *Discourse analysis, context analysis, setting analysis, thriller novels.*

ABSTRAK

Kajian ini ialah kajian tentang wacana dalam novel thriller. Dalam analisis wacana, bahasa dianalisis bukan hanya dari aspek kebahasaan tetapi juga mengaitkannya dengan konteks. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan membincangkan salah satu elemen konteks dalam wacana, iaitu elemen latar yang terdapat dalam novel thriller. Novel thriller merupakan novel yang mengandungi unsur penyiasatan, dan menimbulkan debaran yang berpanjangan kepada pembaca. Terdapat pelbagai unsur yang mempengaruhi pengarang dalam melahirkan karya thriller antaranya termasuklah elemen latar. Namun elemen latar sebagai sumber utama dalam novel thriller masih belum dikaji oleh penyelidik. Untuk itu kajian ini akan menggunakan kaedah Analisis Wacana oleh Normaliza Abdul Rahim (2019). Reka bentuk kajian ini ialah kaedah kualitatif manakala instrumen kajian ialah novel bercetak yang bertajuk Legasi Tombiruo yang ditulis oleh Ramlee Awang Murshid. Novel ini dipilih sebagai sumber data kerana novel merupakan gambaran realiti sesebuah masyarakat di mana terkandung latar masyarakat di dalamnya. Novel ini setebal 530 halaman dan telah dianalisis dari aspek penggunaan kata dan ayat untuk mengenal pasti penanda latar dalam novel tersebut. Analisis kandungan kualitatif dianalisis menggunakan analisis latar dengan pengekodan dan pengkategorian. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan bahasa dalam novel Legasi Tombiruo berjaya merealisasikan latar di dalam novel tersebut. Kajian ini menjadi panduan dan rujukan kepada pengkarya untuk menghasilkan lebih banyak novel thriller yang berkualiti pada masa hadapan.

Kata kunci: *Analisis wacana, analisis konteks, analisis latar, novel thriller*

PENGENALAN

Novel adalah teks yang mengandungi unsur penceritaan. Manakala cerita dalam novel dibangunkan oleh konteks. Tanpa adanya konteks akan menjadikan sesebuah wacana itu hambar kerana konteks wacana berperanan menghidupkan wacana tersebut. Setiap bacaan novel dibangun oleh konteks. Konteks digunakan untuk memahami suatu cerita, kerana konteks menentukan makna ujaran sehingga dapat menafsirkan situasi atau lingkup bahasa pada wacana (Adela Ismi & Sri Rahayu, 2021). Karya thriller sebagai sebuah novel sudah pasti terikat dengan pelbagai elemen konteks. Salah satu daripadanya ialah elemen latar. Artikel ini berusaha untuk menjelaskan dapatan analisis latar sebuah novel thriller.

Novel thriller ialah sebuah fiksiyen berunsur thriller yang wujud dalam pelbagai jenis novel jenayah dan penyiasatan. Para sarjana mempunyai pandangan yang pelbagai dalam mentakrifkan karya thriller. Merujuk kepada Frey (2020, p.5), novel berunsur thriller adalah fiksiyen yang mengandungi unsur sukar, kebijakan, tetapi pada dasarnya melibatkan situasi di mana pahlawan berhadapan penjahat yang bertekad untuk memusnahkan mereka, negara mereka, atau kestabilan dunia bebas. Ia adalah sebuah karya yang penuh dengan emosi cemas dan tegang.

Di Malaysia antaranya novel terawal berunsur thriller berjudul Cincin Rahsia karya Hashim Amir Hamzah (1951) yang dianggap sebagai perintis genre seumpama ini di Malaysia. Novel ini berkisar mengenai dunia detektif yang diadun dengan unsur saspens dan ketegangan yang cukup mendebarkan dan dinobatkan sebagai pemenang siri peraduan pengarang 1951. Sehingga kini, antara pengarang novel berunsur thriller yang mendapat sambutan ialah Ramlee Awang Murshid yang menghasilkan beberapa buah novel seumpamanya. Antara novel thriller beliau ialah Mandatori (2000), ADAM (2002), Rahsia Perindu (2005) dan Fiksiyen (2001). Karya beliau yang berjudul Tombiruo adalah antara karya yang mendapat sambutan hangat malah telah diterbitkan sebagai sebuah filem (Chua, 2017).

Thriller yang berjaya bergantung kepada elemen-elemen tertentu yang boleh menimbulkan ketegangan, cemas dan ketakutan. Menurut Mohamed Nazreen Shahul Hamid (2015), antara elemen penting dalam karya berunsur thriller ialah tema, watak, aksi dan latar yang harus bersifat realistik. Oleh itu kajian ini akan mendeksipkan latar dalam novel thriller berpandukan penggunaan bahasa di dalamnya sebagai satu elemen yang menjadikan novel tersebut sebagai sebuah karya yang bergenre thriller.

KAJIAN TENTANG LATAR

Kajian oleh Adela Ismi & Sri Rahayu (2021) menegaskan peranan konteks dalam membangunkan sebuah cerita. Kepentingan konteks digambarkan sebagai sebuah cerita tanpa cerita jika tiada konteks di dalamnya kerana elemen tersebut membantu pemahaman sesebuah cerita. Terdapat beberapa elemen konteks yang membantu pemahaman sesebuah cerita menurut mereka antaranya ialah latar, peristiwa dan amanat. Kajian mereka selari dengan kajian oleh Masitoh (2020), dan Silmi Alfarits *et al.*, (2021) yang mengatakan bahawa analisis wacana kritis mempertimbangkan konteks dari wacana yang mana elemen konteks tersebut boleh sahaja berupa peristiwa, keadaan, latar, dan situasi wacana. Kajian-kajian tersebut juga selari dengan kajian oleh Nor Hasmida Hilmi *et al.*, (2019) yang juga menyentuh peranan elemen latar dalam novel dan drama Nur. Kajian mereka melihat kepada perbandingan elemen plot yang terdapat di dalam novel dan drama berjudul Nur. Dalam kajian tersebut unsur latar dikatakan sebagai elemen penting dalam konteks sesebuah wacana.

Kedua-dua kajian tersebut juga selari dengan kajian yang dibuat Normaliza Abd Rahim (2019) bahawa analisis wacana boleh berfokus kepada tiga elemen wacana iaitu kandungan, konteks dan andaian yang mana analisis konteks melibatkan aspek tatabahasa, latar dan emosi.

Dapatan kajian Normaliza Abd Rahim (2019) menunjukkan terdapat persamaan dan kelainan elemen latar bagi setiap cerita sosial yang dikaji. Walau bagaimanapun kebanyakan data menunjukkan elemen latar yang terdapat dalam sampel yang dikaji berlatarbelakangkan rumah ibu dan bapa. Justeru kajian tersebut merumuskan elemen latar berkait rapat dengan tujuan penghasilan sesebuah karya yang mana dalam konteks kajian mereka ialah sebagai alat untuk menunjukkan kekuatan ikatan kekeluargaan terhadap kanak-kanak.

Sementara itu elemen latar juga disentuh dalam kajian oleh Mohd Khairul Adenan *et al.*, (2018) yang menganalisis bahasa dalam novel Sastera Indie. Tumpuan mereka lebih kepada unsur stilistik bahasa dalam novel tersebut. Salah satu elemen kajian mereka ialah berkenaan pemakaian bahasa dalam karya sastera Indie yang dikatakan penting kerana penggunaannya dapat memberi fungsi dalam novel antaranya merealisasikan latar-latar. Kajian mereka mendapati bahasa yang digunakan di dalam novel tersebut dapat memberi gambaran latar tempat dan latar masyarakat. Elemen latar tempat menurut mereka ditandai dengan penggunaan kata ganti nama yang menggunakan dialek daerah. Manakala latar masyarakat di dalam novel tersebut pula dikenal pasti melalui unsur bahasa slanga yang digunakan di dalam dialog-dialog yang menggambarkan masyarakat dalam novel tersebut ialah remaja dan pelajar universiti.

Sara Beden & Indirawati Zahid (2017) menjalankan kajian yang melihat konteks peristiwa bahasa dalam novel bertajuk *Melunas Rindu*. Kajian mereka menggunakan analisis teks dan kaedah kualitatif. Dalam kajian mereka, faktor latar adalah komponen yang dapat membantu pengklasifikasian peristiwa bahasa. Kajian mereka yang berfokus kepada aspek konteks ini mendapati kewujudan konteks tidak memberi impak yang menyeluruh terhadap kelengkapan maklumat dalam peristiwa bahasa yang dianalisis. Persoalan latar yang disentuh di dalam kajian mereka amat terhad. Hal ini bertepatan dengan objektif kajian mereka yang bermatlamat untuk menganalisis penggunaan pola kesopanan berbahasa dalam sesuatu peristiwa bahasa.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan bahawa kajian elemen latar yang telah dilakukan pengkaji-pengkaji sebelum ini masih terbatas dan tidak berfokus. Hal ini demikian kerana kajian-kajian yang ada berupa kajian elemen latar yang ada tidak hadir secara berfokus tetapi sebagai pelengkap kepada elemen konteks dalam wacana seperti elemen amanat, elemen watak dan sebagainya. Sebaliknya jika dikaitkan dengan kajian yang dilakukan oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid (2015) pula, aspek latar berupa komponen penting dalam menentukan ciri-ciri thriller bagi sesebuah novel thriller. Oleh itu kajian ini berusaha untuk membincangkan aspek latar sebagai satu elemen khusus dengan menjadikan novel bergenre thriller sebagai sampel kajian.

OJEKTIF KAJIAN

Mengenal pasti dan membincangkan elemen latar yang terdapat dalam novel *Tombiruo*.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif. Kajian kualitatif ialah kaedah penyelidikan yang bertujuan untuk memberikan atau menerangkan keadaan atau fenomena yang berlaku dengan menggunakan prosedur saintifik untuk jawab permasalahan secara tepat (Firmansyah, 2018). Manakala kaedah kajian pula berupa kaedah kepustakaan serta analisis dokumen yang berupa teks novel berjudul *Legasi Tombiruo*. Bagi menyempurnakan kajian ini pengkaji telah membaca keseluruhan novel ini dan membuat pemerhatian dari sudut latar. Latar-latar yang terdapat di dalam novel ini ditandai dan dikelompokkan mengikut kumpulan latar tertentu dalam bentuk jadual.

Novel Legasi Tombiruo merupakan sebuah novel thriller karya penulis terkenal iaitu Ramlee Awang Murshid. Beliau terkenal sebagai penulis novel thriller nombor satu di Malaysia Ramlee Awang Murshid diiktiraf sebagai novelis thriller nombor satu di Malaysia (Alyasa, 2019), Mohd Nazri Latif Azmi *et al.*, (2013). Beliau telah menghasilkan lebih daripada dua puluh novel thriller bahkan karya beliau juga pernah diadaptasi menjadi sebuah filem. Novel Legasi Tombiruo ditulis oleh Ramlee Awang Murshid mengisahkan Tombiruo yang bermaksud ‘hantu’ dalam masyarakat Kadazan Dusun. Novel ini adalah kesinambungan kepada sekuel novel sebelumnya iaitu Tombiruo Penunggu Rimba (2008), dan Semangat Hutan (2001) dan Tombiruo Terakhir (2004). Legasi Tombiruo ialah pelengkap kepada novel-novel tersebut. Walaupun berkesinambungan, elemen latar di dalam novel ini memperlihatkan perbezaan kerana latar tempat dan peristiwa secara keseluruhannya berlaku di lokasi yang berbeza sama sekali. Pendekatan kajian ini hanya berfokus kepada elemen latar yang merupakan sub elemen kepada elemen konteks dalam wacana yang dikenal pasti melalui keterangan-keterangan yang terdapat di dalam novel.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini dianalisis menggunakan teori analisis Wacana Normaliza Abd Rahim (2019) yang mengatakan elemen latar dapat dikenal pasti melalui keterangan yang terdapat di dalam teks. Elemen latar berupa sub elemen kepada konteks. Elemen latar di dalam wacana ini dapat dianalisis mengikut semua keterangan yang terbahagi kepada tiga, iaitu latar tempat, latar masa dan latar masyarakat. Latar tempat merupakan lokasi atau tempat berlakunya sesuatu perkara. Latar masa pula boleh dianalisis dengan memberi huraian tentang masa berlakunya perkara tersebut latar masyarakat pula berkaitan dengan individu atau kumpulan masyarakat yang terlibat dalam perkara yang diceritakan. Wacana dan konteks berada dalam hubungan yang erat di mana wacana menghuraikan konteksnya dan konteksnya membantu menafsirkan makna ucapan dalam wacana.

Melalui keterangan yang terdapat di dalam novel tersebut peristiwa-peristiwa dalam novel ini mengandungi latar negeri Selangor, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Melaka dan Sabah. Latar utama berkisar di negeri Selangor dan di Kuala Lumpur. Latar-latar negeri yang digambarkan merupakan nama-nama negeri yang realistik. Lokasi Kuala Lumpur adalah latar utama peristiwa di dalam novel ini. Kecuali ‘Bandar Seri Damansara’, ‘restoran di Bangunan Daya Bumi’, ‘berhampiran Pusat Dagangan Dunia Putra’ dan ‘Little Penang Mid Valley’, lokasi-lokasi di Kuala Lumpur kebanyakannya bersifat misteri, dan tidak dinyatakan secara jelas dan kadang kala dirujuk sebagai kata nama umum seperti ‘Ibu Kota’ ‘Ibu Negara’, ‘Bandar raya’, ‘Kota Raya’ dan Kota metropolitan dan Bandar Metropolitan. Contohnya adalah seperti berikut:

Jadual 1: Contoh elemen latar tempat yang menggunakan kata nama yang bersifat umum

Halaman	Contoh
7	Sarah mengambil keputusan merayau di sekitar ibu kota dengan menunggang sebuah <i>superbike</i> hitam miliknya. Dia pun merayau mengitari kota metropolitan dalam renyai tanpa hala tuju
237	Ternyata bandar metropolitan ini bukan sebuah keramahan
257	Hiruk pikuk kota raya semakin meruncing pada masa ini.
42	Tangan lelaki itu dipulas sampai terseliuh. Jeritan bergema nyaring namun tenggelam dalam suara ibu kota yang sebenarnya telah pun sepi

Penggunaan kata nama tempat yang bersifat umum ini bertujuan untuk menjadikan maklumat di dalamnya kabur dan mengajak pembaca berfikir dan buat andaian berkenaan tempat sebenar yang dimaksudkan di dalam karya tersebut. Hal ini secara tidak langsung menguatkan ciri

sesebuah karya thriller sebagaimana yang dijelaskan oleh Fedorov (2011) bahawa kebiasaannya novel thriller berlatar belakangkan tempat terpencil dan diluar dari kebiasaan kehidupan seharian.

Manakala lokasi negeri di Selangor pula dapat disebut dengan jelas melalui keterangan di dalam novel ini. Antara kawasan-kawasan yang dapat dikenal pasti ialah Shah Alam, Kuala Selangor, Dengkil, Banting. Lokasi-lokasi di negeri Selangor kerap muncul dikaitkan dengan lokasi tempat tinggal watak utama dalam novel ini iaitu Ejim dan Sarah. Ejim tinggal di Dengkil, sebuah petempatan di pinggir Selangor. Lokasi kediamannya ini bertepatan dengan ciri-ciri watak Ejim yang mencintai alam semula jadi. Manakala Sarah digambarkan tinggal di sebuah bandar di Shah Alam yang mana lokasi kediamannya berhampiran dengan lokasi pejabatnya Sinar Harian.

Terdapat juga keterangan-keterangan yang menunjukkan latar Hutan Keningau Sabah. Latar ini kerap juga muncul di dalam novel ini sebagai unsur imbas kembali. Hal ini adalah kerana 'Tombiruo' adalah karektor 'hantu' dalam bahasa Kadazan Dusun. Justeru mengaitkan Hutan Keningau Sabah dalam novel ini di sebalik bertujuan menggali pengetahuan latar pembaca kepada siri sebelumnya, juga bertujuan untuk menjelaskan maksud Tombiruo kepada masyarakat baru yang tinggal di hutan batu. Sementara keterangan yang menunjukkan latar negeri Negeri Sembilan, Melaka dan Kuala Selangor hanyalah latar tempat yang mengandungi peristiwa-peristiwa sepintas lalu yang berperanan sebagai latar kepada tempat tinggal ibu bapa Diana dan Sarah.

Selain latar negeri, keterangan-keterangan di dalam novel ini juga berjaya menjelaskan latar kediaman. Terdapat peristiwa-peristiwa dalam novel ini yang berlatarkan kediaman watak-watak mengikut jenis-jenis tertentu. Hanya dua jenis kediaman yang dipaparkan di dalam novel ini, iaitu jenis kediaman apartmen dan kondominium yang didiami oleh watak-watak yang masih bujang, iaitu Sarah, Diana dan Tony. Sementara peristiwa yang berlatarkan kediaman jenis banglo pula dihuni oleh watak-watak yang sudah berkahwin seperti kediaman Ibu bapa Diana, dan yang didiami oleh Dato' Jumal.

Selain itu melalui keterangan-keterangan juga dapat dikenal pasti latar tempat pejabat yang menggambarkan aktiviti pekerjaan watak-watak di dalam novel Legasi Tombiruo. Antaranya ialah latar pejabat Sinar Harian di Kompleks Karangkraf di Shah Alam, Selangor, latar pejabat Epik dan latar pejabat Multi. Hal ini dapat dijelaskan melalui ayat-ayat dituturkan oleh watak-watak seperti berikut.

Jadual 2: Keterangan mengandungi latar pejabat

Halaman	Contoh
23	Visual dalam lokasi kejadian
24	Editor akan ambil <i>story</i> kau tu tanpa gambar atau visual dalam lokasi kejadian
25	Kalau dapat ambil gambar, pasti gempak tu

Berdasarkan ayat-ayat yang dituturkan di atas, agak sukar memahami perbualan tersebut sekiranya tidak dikaitkan dengan latar tempat terjadinya ujaran tersebut, iaitu sebuah pejabat akhbar. Ciri tekstual yang terdapat di dalam situasi perbualan tersebut seperti perkataan 'visual', 'story', "lokasi kejadian" menjadi lebih jelas sekiranya konteks latar telah difahami pembaca terlebih dahulu. Perkataan 'visual' misalnya berupa perkataan teknikal yang mana pada kebiasaannya perkataan teknikal ini hanya digunakan dalam bidang-bidang tertentu sahaja. Dalam novel ini jelaslah ia mempunyai kaitan dengan bidang kewartawanan di mana laporan yang ditulis oleh seseorang wartawan akan lebih jelas, menarik dan meyakinkan sekiranya disertai dengan visual di tempat yang dilaporkan.

Begitu juga dengan pemahaman terhadap ujaran-ujaran berikut:

Jadual 3: Keterangan mengandungi latar pejabat ahli perniagaan

Halaman	Contoh
46	Penguasaan syarikat Epik ke atas syarikat Multi, merampas kuasa mutlak saya
47	Okey, kalau macam tu, jual saham syarikat Multi semula pada saya dengan harga rendah. Cik Diana dah siapkan perjanjian jual beli untuk tujuan tu
47	Saya takkan jual walaupun Encik Durabi menawarkan harga dua kali ganda. Harga rendah, saya tak pandang langsung.
151	Terus terang saya tak berkemampuan urus tadbirkan syarikat tu.

Walaupun ujaran-ujaran dalam ayat di atas tidak menyentuh tentang lokasi pertuturan tersebut, namun kandungan tekstual di dalam ujaran yang dipaparkan dapat menggambarkan latar peristiwa ujaran tersebut, iaitu di pejabat sebuah syarikat yang menguruskan perniagaan besar. Perkataan ‘saham’, ‘jual beli’ dan ‘syarikat’ jelas menunjukkan adanya peristiwa bahasa penting yang terkandung di dalam ayat-ayat yang dituturkan iaitu mesyuarat. Justeru peristiwa mesyuarat ini berdasarkan konteks dapat difahami bahawa ianya berlangsung di dalam sebuah bilik mesyuarat di dalam pejabat ahli perniagaan.

Sebagai sebuah novel berunsur thriller, terdapat latar tempat yang berunsur misteri di dalam novel Legasi Tombiruo. Latar tempat berunsur misteri yang dipaparkan kebiasaannya merupakan lokasi di mana jenayah berlaku. Lokasi ini tidak digambarkan secara jelas sebaliknya hanya dikenal pasti melalui kata nama am yang digunakan misalnya ‘rumah lama’, ‘banglo usang’ dan ‘bangunan tinggal’. Hal ini dapat dijelaskan lagi melalui contoh-contoh di bawah.

Jadual 4: Keterangan mengandungi latar tempat misteri

Halaman	Contoh
66	Piantur memarkir kereta berwarna hitam di sebuah lorong yang agak terpendil daripada pandangan sesiapa jua.
84	Dia cemas memerhatikan suaminya menyusuri lorong sunyi itu. Amaruddin seperti mencari-cari sesuatu. Pandangannya liar. Sekejap ke arah deretan pintu-pintu di bangunan itu
141	Pencariannya tidak lama apabila menemui sebuah banglo lama di pinggir ibu kota. Tombiruo pun memperlahankan pemecutannya. Mengintai pandangan ke arah berkenaan.
85	Amaruddin sebenarnya sudah menapak naik ke atas. Sebuah tempat yang kusam lagi kelam. Berbau hapak. Sudah bercampur dengan bau darah yang sudah kering. Bau yang sudah sebatu dalam persekitaran tempat ini.

Contoh 1 menunjukkan latar peristiwa yang berlaku di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun keterangan lanjut lokasi tidak dinyatakan sebaliknya gambaran latar lokasi sekadar kata nama am serta dibantu oleh kata adjektif seperti “Lorong terpendil”, “Lorong sunyi” dan ‘tempat kusam’. Begitu juga dengan contoh ketiga di mana peristiwa berlatarkan sebuah “banglo lama” tanpa keterangan yang jelas di mana lokasi tersebut berlaku. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan elemen menyeramkan yang mana secara tidak langsung memberikan kesan cemas kepada pembaca. Sebagaimana yang diungkapkan oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid (2015) bahawa fiksyen Tombiruo adalah fiksyen thriller yang berbentuk thriller seram.

Melalui keterangan-keterangan di dalam novel, terdapat juga lokasi latar peristiwa di tempat awam seperti hospital, mahkamah dan balai polis. Latar ibu pejabat polis digambarkan dengan jelas melalui

peristiwa yang berlaku di bahagian Siasatan Jenayah Bukit Aman. Latar peristiwa di hospital digambarkan berlaku di Hospital Kuala Lumpur. Manakala latar mahkamah tidak dinyatakan dengan jelas. Hal ini ditinggalkan kepada pembaca untuk berfikir dan membuat andaian lokasi mahkamah yang dimaksudkan. Peristiwa-peristiwa yang berlatarkan tempat awam ini bagaimanapun terhad kepada satu hingga dua peristiwa sahaja dalam novel.

Jadual 5: Keterangan yang mengandungi latar tempat awam

Halaman	Contoh
369	Diana pun datang ke Bukit Aman. Ketika sampai di bilik siasatan, dia terkejut apabila mendapati seorang lelaki Punjabi berada bersama Tony.
337	Tony yang terbaring tidak sedarkan diri di katil. Tangan kiri lelaki itu digari. Seorang pegawai polis duduk di hadapan dan bermain telefon pintar. Seorang lagi berjaga di luar wad. Mereka bergilir melakukan tugas pengawasan.
72	Hujah pematah ke atas pendakwa raya telah membuatkan pihak terbabit dituduh hanya mengada-ngadakan cerita dan terdesak untuk menyelesaikan kes agar tidak tewas di mahkamah.

Sebagai sebuah novel bertemakan semangat hutan latar peristiwa yang kerap hadir dalam novel Legasi Tombiruo ini ialah suasana di dalam hutan. Terdapat tiga latar peristiwa di dalam hutan iaitu peristiwa berlatarkan hutan di Dengkil, peristiwa berlatarkan Hutan Keningau di Sabah dan peristiwa berlatarkan hutan di Banting Selangor. Antara ketiga-tiga latar hutan ini peristiwa berlatarkan Hutan Keningau di Sabah kerap hadir berbanding peristiwa di Hutan Dengkil dan Banting. Hal ini adalah kerana unsur imbas kembali yang kerap digunakan di dalam novel ini yang bertujuan untuk membawa pengetahuan latar pembaca kepada siri sebelumnya. Manakala peristiwa di hutan di Dengkil berupa gambaran peristiwa masa kini yang cuba menjelaskan lagi identiti watak utama di dalam novel tersebut. Sebaliknya peristiwa berlatarkan hutan di Banting hanya merupakan peristiwa sampingan di dalam novel ini.

Latar Masa

Latar masa berkaitan dengan masa terjadinya peristiwa-peristiwa yang diceritakan dalam sesebuah karya. Pemahaman latar masa akan memudahkan pemahaman terhadap urutan peristiwa sekali gus membantu memahami wacana tersebut. Latar masa boleh sahaja mengandungi perkara yang telah berlalu, masa kini dan masa akan datang. Gambaran latar waktu novel Legasi Tombiruo dapat difahami melalui keterangan yang terdapat di dalam novel tersebut. Sebagaimana contoh berikut:

Jadual 6: Keterangan mengandungi elemen latar masa

Halaman	Contoh
39	Sekilas dia menoleh jam dinding. Pukul 4.30 pagi. Rasa mengantuk mula menggayuti kelopak matanya semula.
59	PUKUL 6.30 petang, Tony masih berada di pejabat. Melakukan kerja-kerja penelitian syarikat.
128	Jam sekarang menunjukkan lagi lima minit ke pukul 3.00 petang dan Tony masih belum kelihatan lagi.
175	Sempat melihat jam tangannya. Menghampiri pukul 1.20 tengah hari.

Selain menggunakan kosa kata yang melambangkan masa, latar masa di dalam novel dapat difahami melalui medan makna kosa kata yang digunakan. Hal ini dapat digambarkan melalui contoh-contoh berikut.

Jadual 7: latar masa berpandukan medan makna kosa kata

Halaman	Contoh
154	Selepas Zohor barulah Amaruddin muncul. Sekadar memberikan segaris senyuman.
39	Usai mengerjakan solat tahajjud, dia pun melanjutkan ibadah dengan membaca al-Quran.
98	Sarah siap bersarapan. Lantas melangkah ke dewan utama. Terdapat beberapa orang wanita sedang berbual-bual di hadapan pintu.
61	Pawana bertukar warna. Menandakan matahari sudah hampir terbenam keseluruhannya.

Contoh satu tidak menyebut masa secara spesifik, namun dikaitkan dengan perkataan ‘Zohor’ secara tidak langsung memberi gambaran latar masa peristiwa tersebut berlangsung ialah pada waktu petang. Keterangan latar masa yang dapat ditemui di dalam novel ini merangkumi waktu solah Subuh, Zohor, Asar, dan Isyak. Selain menggunakan waktu solat lima waktu sebagai peranti masa dalam novel ini, peranti solat lima waktu ini juga mempunyai peranan dari segi konteks yang membantu pembaca memahami konteks masyarakat yang ada di dalam novel ini. Hal ini akan dibincangkan lebih lanjut di dalam latar latar masyarakat nanti. Begitu juga dengan contoh kedua yang dipetik dari halaman tiga puluh sembilan. ‘Solat Tahajjud’ yang diungkapkan di dalam novel Legasi Tombiruo ini jelas mempunyai dua tujuan iaitu untuk menjelaskan masa peristiwa yang berlaku serta latar masyarakat yang dapat dibayangkan melalui tindakan watak melakukan solat tersebut.

Contoh ketiga juga merupakan petikan yang menggambarkan latar masa peristiwa yang berlaku di dalam novel ini. Meskipun penulis tidak menyatakan latar masa tersebut secara langsung iaitu pada waktu pagi, namun kosa kata ‘sarapan’ yang digunakan sudah cukup untuk menggambarkan latar waktu peristiwa tersebut. Sementara dalam contoh keempat, latar masa digambarkan melalui kebiasaan dalam fenomena alam semula jadi. Ungkapan ‘Pawana bertukar warna’ yang digunakan penulis adalah gambaran masa yang mencerminkan bahawa peristiwa yang berlaku pada masa tersebut ialah pada waktu senja.

Latar masa yang terdapat di dalam novel Legasi Tombiruo ini secara keseluruhannya berkisar pada waktu lewat malam yang digambarkan sebagai suatu situasi yang sunyi. Hal ini mungkin juga dapat dikaitkan dengan unsur utama di dalam novel ini yang bertujuan untuk mendatangkan kesan emosi kepada pembaca. Justeru gambaran peristiwa dalam suasana malam yang sunyi dan gelap boleh mendebarkan emosi pembaca. Hal ini juga dapat dikaitkan dengan sifat novel ini yang tergolong dalam genre penyiasatan dan jenayah yang mana secara semula jadinya dapat difahami jenayah secara kebiasaannya tidak dilakukan secara terang-terangan. Pun begitu, latar masa siang tetap juga ditemui di dalam novel ini. Meskipun kadang kala latar masa berlakunya peristiwa tersebut tidak diungkapkan secara langsung, namun apabila dikaitkan dengan konteks peristiwa, latar tersebut dapat difahami. Misalnya melalui contoh berikut.

Jadual 8: Latar masa siang hari berpandukan konteks peristiwa

Halaman	Contoh
49	Ketika itu dia baru keluar dari kamar mahkamah. Tidak membela sesiapa tapi sekadar mengikuti satu kes melibatkan jenayah rogol.
79	"Tu... ada pondok kat padang. Mari kita makan tengah hari di sana," cadang Amaruddin.

Elemen konteks dalam contoh pertama memberikan pembaca pemahaman bahawa latar peristiwa tersebut berlaku pada ketika siang hari dan pada waktu pejabat. Hal ini kerana urusan yang melibatkan jabatan awam negara secara lazimnya ditetapkan pada waktu pejabat. Sementara dalam contoh kedua pula ayat ‘mari kita makan tengahari’ sudah jelas menggambarkan latar waktu peristiwa tersebut berlaku di siang hari.

Latar masyarakat

Latar masyarakat ialah gambaran kehidupan masyarakat sama ada agama, kepercayaan dan pekerjaan masyarakat yang terdapat dalam karya. Latar agama di dalam novel Legasi Tombiruo berkisar tentang gambaran masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini dapat dimengerti melalui contoh-contoh berikut.

Jadual 9: latar masyarakat majmuk

Halaman	Contoh
98	Simpan cuti awak tu untuk Tahun Baru Cina,” usik ketua pengarang itu lagi.
294	Ramai kanak-kanak bermain di situ. Kebanyakannya bangsa Cina. Dua tiga orang sahaja kanak-kanak bangsa India
6	Anak kacukan berwajah campuran Kadazan-Dusun dan Melayu itu pun semakin hari sudah bertambah cantik dan anggun.
371	“Helo, saya Sarjit Singh,” jelas lelaki Punjabi itu yang mahir berbahasa Melayu.

Latar masyarakat di dalam novel ini juga dapat dikenal pasti melalui watak-watak di dalamnya. Watak Ejim merupakan seorang lelaki berbangsa Kadazan Dusun yang telah memeluk Islam dan berkawin dengan wanita Melayu. Watak berbangsa Cina di dalam novel ini antaranya Linda (Mui Lee) , Sarah Tang Yen Yen seorang wanita muda berketurunan Cina, Janice Tang, Dr Wen Cu dan Tony. Watak-watak berbangsa Melayu pula antaranya Dr. Haslia, Wan Suraya, Siti Nurhaliz, Dato’ Jumal dan Durabi.

Melalui keterangan yang terdapat di dalam novel ini pula diketahui latar kepercayaan dan agama masyarakat di dalam novel ini lebih tertumpu kepada masyarakat yang beragama Islam. Gambaran masyarakat Islam ini dapat dikenal pasti melalui keterangan-keterangan yang menunjukkan perlakuan watak dalam mengerjakan ibadat sebagai seorang muslim. Terdapat banyak peristiwa yang menunjukkan masyarakat Melayu di dalam novel ini berpegang teguh kepada persoalan yang berkaitan dengan ibadah Islam. Sebagai contoh:

Jadual 10: Latar masyarakat bersandarkan pegangan kepercayaan agama

Halaman	Contoh
421	Mantan Tombiruo itu bersolat Isyak di bahagian bumbung sebuah bangunan di tengah hiruk-pikuk keriuhan ibu kota malam itu
113	Malam nanti, datang surau tau. Ada majlis bacaan Yasin. Ada ustaz bagi ceramah.
429	Pulang dari surau, Amaruddin memilih untuk duduk-duduk di beranda
39	Usai mengerjakan solat tahajjud, dia pun melanjutkan ibadah dengan membaca al-Quran.

Walau bagaimanapun, keterangan berkaitan latar agama masyarakat bukan Melayu pula tidak dinyatakan di dalam novel ini. Sementara itu latar masyarakat juga menggambarkan masyarakat yang mempercayai kewujudan ‘hantu’ di sekeliling mereka. Sementara itu ‘Tombiruo’ itu sendiri

bermaksud ‘hantu’ dalam masyarakat Kadazan Dusun. Gambaran latar kepercayaan masyarakat ini dapat dibuktikan melalui contoh-contoh di bawah.

Jadual 11:Jadual latar kepercayaan tahyul dalam masyarakat

Halaman	Contoh
60	“Tempat ni ada... hantu,”
166	“Tombiruo... hantu. Rogon... jugak hantu.
248	“ <i>Gui</i> , orang Cina memanggilnya hantu,” balas Diana.
327	Tony kerap berhalusinasi melihat <i>Gui</i> , hantu.

Selain itu, berdasarkan keterangan-keterangan yang terdapat di dalam novel ini, latar masyarakat yang ditonjolkan ialah masyarakat kelas pertengahan. Menurut Norazit Selat (1978) masyarakat kelas pertengahan secara kebiasaannya ditandai dengan pemilikan mereka terhadap elemen kebendaan seperti memiliki rumah dan kereta besar, mempunyai orang gaji, seringkali bercuti di tempat-tempat peranginan, menghargai karya- karya barat dan memakai pakaian barat (kot dan tali leher) (Nordin Selat 1978). Ciri-ciri ini juga ditunjukkan melalui kelas sosial watak-watak di dalam novel ini antaranya:

Jadual 12: latar status sosial masyarakat

Watak	keterangan
Sarah	Sarah memberhentikan <i>superbike</i> hitamnya berhampiran sebatang pokok besar yang rendah daunnya.
Tony	Tony sudah sampai ke apartmen mewahnya
Diana	Diana pula menginap di sebuah kondominium berstatus mewah miliknya dan bukan disewa.
Dato Jumal	Tony diiringi sampai ke van mewah. Pintu terbuka secara automatik. Dia terkejut apabila melihat Dato’ Jumal berada di dalam kenderaan itu.

Contoh-contoh di atas berupa elemen kebendaan yang dimiliki oleh watak-watak di dalam novel. Elemen kebendaan ini ditandai dengan penggunaan frasa adjektif yang bertujuan untuk melambangkan tahap pendapatan tinggi setiap watak dalam novel tersebut.

Gambaran latar kelas sosial masyarakat pertengahan ini juga ditandai dengan elemen pemilihan bahasa dalam pertuturan mereka. Golongan ini kerap menggunakan bahasa Inggeris dalam pertuturan mereka. Misalnya dalam contoh berikut

Jadual 13: latar masyarakat kelas social pertengahan

Halaman	Contoh
149	Tony terus meraung bagaikan orang tidak siuman. Masih terduduk di tempatnya. Menumpahkan seluruh rasa malu itu menerusi jeritannya. Sumpah seranah dihamburkan dalam bahasa Inggeris bercampur baur bahasa Melayu.
253	Orang ternama itu memilih untuk diam dengan membaca naskhah surat khabar tempatan berbahasa Inggeris.
324	“ <i>I’m your lawyer damn it</i> ,” marah Diana, menekan suaranya.

Contoh-contoh di atas menunjukkan peranan bahasa Inggeris yang digunakan di dalam novel ini. Penggunaannya yang diselang-selikan dengan bahasa Melayu melambangkan latar masyarakat kelas sosial menengah.

Selain ini latar masyarakat kelas sosial menengah ini juga ditandai dengan kerjaya-kerjaya watak di dalam novel ini. Golongan ini kecara umumnya digambarkan sebagai golongan yang mempunyai pendidikan tinggi serta menjawat jawatan professional dalam pekerjaan mereka. ‘Diana’ merupakan seorang peguam senior yang memilihi pegangan saham dalam syarikat Multi, Sarah pula seorang wartawan kanan di syarikat akhbar Sinar Harian di Shah Alam. Tony merupakan ahli perniagaan berjaya, pemilik syarikat Epik. Begitu juga dengan Durabi dan Dato’ Jumal. Kerjaya watak-watak di dalam novel ini bukan sahaja meletakkan mereka setaraf dengan golongan professional bahkan juga mencerminkan latar belakang taraf Pendidikan tinggi yang mereka miliki.

Dari sudut lain pula, novel yang bertemakan jenayah dan penyiasatan ini juga mempunyai latar masyarakat yang hidup dalam kepincangan nilai moral dan agama. Latar masyarakat ini ditandai dengan keterangan-keterangan yang menunjukkan penglibatan dalam pelbagai aktiviti jenayah. Hal ini dapat dijelaskan lagi melalui contoh-contoh berikut.

Jadual 14: Gambaran kepincangan dalam masyarakat

Halaman	Contoh
1	Seorang lelaki berpakaian serba hitam, mengenakan sehelai kot kulit melepasi paras pinggang dan berhud kepala, berjalan tenang di kalangan muda-mudi yang terkinja seiring dengan rentak muzik yang bingit menggilu
2	Tiga lelaki yang sedang mengira wang dan menyusun pek-pek mamat serbuk putih berang menerima kehadiran seorang tetamu pelik yang tidak dijemput. Mereka pun menepa secara berkumpulan.
144	Belum pun sempat halkum Murad menggemakan ayat terakhir, pedang Tombiruo telah menusuk ke bahagian perut Murad. Murad mengaum kesakitan lantas tertunduk melutut. Pedang dicabut kasar. Darah memancut-mancut. Masa inilah Tombiruo melakukan cantasan terakhir

Peristiwa-peristiwa yang dikeluarkan dari novel Legasi Tombiruo ini dapat membayangkan latar masyarakat di Kuala Lumpur yang dipenuhi dengan aktiviti jenayah. Bukan itu sahaja, latar masyarakat yang melakukan jenayah kolar putih juga turut digambarkan di dalam novel.

Jadual 15: Latar masyarakat mengamalkan aktiviti jenayah

Halaman	Contoh
138	“Saya rasuah orang depan.” Tony selamba sahaja menjawab soalan itu.
380	...dia muncul kemudian bertindak membalas perbuatan Dato’ Jumal dan Durabi menggunakan taktik jajahan syarikat dengan menguasai saham mereka.
93	Lagipun lelaki di hadapannya sekarang bukan calang-calang orang. ‘Penjajah’ syarikat orang lain. Dia sudah menyelidiki. Tony telah berjaya menguasai saham tertinggi di beberapa buah syarikat pelbagai perniagaan.

Dalam contoh berikut jelas difahami jenayah rasuah dan jenayah penipuan dalam pemilikan saham syarikat wujud dalam masyarakat di dalam novel ini. Unsur-unsur jenayah ini adalah ciri utama karya

jenayah dan penyiasatan kerana unsur-unsur tersebutlah yang akan mencetuskan situasi yang mendebarkan pembaca.

RUMUSAN

Sebagai rumusan penggunaan bahasa dalam novel *Legasi Tombiruo berjaya* merealisasikan latar di dalam novel tersebut. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad dan Muhammad Zaid Daud (2018) yang mengatakan bahawa penggunaan aspek diksi dapat memberi fungsi dalam novel untuk membentuk latar yang berunsurkan realiti. Terdapat tiga latar penting dalam novel *Legasi Tombiruo* iaitu latar masa, latar tempat dan latar masyarakat. Kajian ini bersetuju dengan kajian oleh Normaliza Abd Rahim (2019) yang mengatakan bahawa elemen latar dalam sesebuah novel berkait dengan tujuan penghasilan sesebuah novel. Kebanyakan latar masa dalam novel ini kerap berlaku pada waktu malam. Hal ini bersesuaian dengan sifat novel thriller yang berunsurkan jenayah dan penyiasatan. Secara lazimnya aktiviti jenayah tidak dilakukan secara terang-terangan. Begitu juga latar waktu malam yang bercirikan kegelapan menimbulkan suasana cemas sekali gus bertepatan dengan tujuan penghasilan sesebuah novel thriller.

Gambaran latar tempat dan latar masyarakat di dalam novel ini juga bertepatan dengan tema utama novel di mana keterangan-keterangan yang menceritakan peristiwa jenayah serta latar masyarakat yang menyimpang dari norma manusia sebenar semuanya berlatarkan tempat di Kuala Lumpur. Hal ini bertepatan dengan pengetahuan umum mengenai status Kuala Lumpur sebagai salah satu lokasi jenayah tertinggi di Malaysia. Terdapat sedikit perbezaan dapatan dengan kajian oleh Mohd Khairul Adenan *et al.*, (2018) yang mana unsur latar yang diperoleh dalam kajian mereka hanya terbatas kepada dua latar sahaja iaitu latar tempat dan latar masyarakat. Hal ini disebabkan oleh fokus kajian mereka yang lebih menumpukan kepada aspek bahasa yang lain selain dari aspek latar. Justeru, kajian latar dalam *Legasi Tombiruo* yang dijalankan ini dapat memberi gambaran yang lebih luas berkenaan elemen latar dalam konteks wacana.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi impak positif kepada pengarang novel dalam menghasilkan novel bergenre thriller yang berkualiti yang mana membuka kesedaran kepada mereka bahawa penggunaan bahasa yang bersesuaian dalam menggambarkan latar mampu membangkitkan unsur thriller yang lebih berkesan dalam novel. Seterusnya penerbit juga turut menerima tempas di mana novel yang berkualiti akan membantu meningkatkan permintaan terhadap novel sesebuah novel. Bukan itu sahaja novel tersebut juga berkemungkinan akan diterbitkan semula dalam bentuk drama ataupun filem yang mana secara tidak langsung akan membantu meningkatkan pendapatan penulis, penerbit buku dan penerbit drama. Hal ini terbukti melalui penghasilan filem *Tombiruo* yang diadaptasi menerusi novel *Tombiruo* karya Ramlee Awang Murshid. Unsur thriller yang digarap di dalam novel tersebut bukan sahaja menarik minat pembikin filem bahkan turut menarik minat penonton ke pawagam sehingga jualan tiket filem tersebut mencecah jutaan ringgit. Justeru kajian ilmiah sebegini sewajarnya diteruskan untuk menjadi panduan dan rujukan kepada pengkarya pada masa hadapan untuk menghasilkan lebih banyak novel thriller yang berkualiti.

RUJUKAN

- Adela Ismi & Sri Rahayu (2021). Analisis Konteks Wacana dalam Novel Selembar Itu Berarti Karya Suryaman Amipriono. *Journal of Language Education, Linguistics, and Culture*, 1(1), 58-66.
- Alyasa, J. (2019). Dua Penulis Grup Buku Karangkrif terima anugerah Buku Negara 2019. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/21406/BERITA/Nasional/Dua-penulis-Grup-Buku-Karangkrif-terima-Anugerah-Buku-Negara-2019>.
- Brown G. dan Yule G. (1998). *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chua, D. (2017). Sequels In Store For Tombiruo Fans. *NST*. <https://www.nst.com.my/lifestyle/groove/2017/11/305592/tombiruo-rakes-rm8m-box-office>.
- Fairclough, N. (1995). *Media Discourse*. London: Edward Arnold.
- Fedorov, A. (2011). The Analysis of Detective Genre In Media Studies In The Student Audience. *Acta Didactica Napocensia*, 4(2-3), 79-87.
- Frey, J. N. (2010). *How to Write a Damn Good Thriller: A Step-by-Step Guide for Novelists and Screenwriters*. St. Martin's Publishing Group.
- M. Bayu Firmansyah (2018). Dimensi Sosial Dalam Novel Negeri Para Bedebah Karya Tere Liye (Perspektif Analisis Wacana Kritis). *KEMBARA*, 4(1), 60-68. <http://ejournal.umm.ac.id/index.php/kembara/article/view/5845>
- Masitoh. (2020). Pendekatan Dalam Analisis Wacana Kritis. *Jurnal Elsa*, 18(1).
- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad & Muhammad Zaid Daud (2018). Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3, 106-121.
- Mohd Nazri Latiff Azmi, Mohamad Nur Shafiq Mohamad Farza & Mairas Abd Rahman (2013). A comparative literature of Reader Response Theory in Thriller Fiction: Sheldon vs. Ramlee. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 3(13), 410-418.
- Nor Hasmida Hilmi, Normaliza Abd Rahim dan Mohd Azidan Abdul Jabar (2019). Persamaan Dan Perbezaan Plot Di Dalam Novel Dan Drama Nur Dari Sudut Wacana. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*, 7(2).
- Normaliza Abd Rahim (2019). *Kajian Wacana dan Strategi Komunikasi: Teori dan Aplikasi*. Universiti Malaysia Terengganu.
- Sara Beden dan Indirawati Zahid (2017). Analisis Konteks Peristiwa Bahasa Melunas Rindu: Aplikasi Model Leech dan Grice. *Akademika*, 87(1), 17-34.
- Silmi Alfari, Dewi Anggraeni dan Abdul Fadhil (2020). Analisis Wacana Kritis Berita 'Tentang Social Distance, Cara Pemerintah Cegah Penyebaran Virus Corona' Di Detik.Com. *Jurnal Communicology*, 8(1), 131-152. <http://journal.unj.ac.id/>